

**LAPORAN
PERKEMBANGAN PELAN
INTEGRITI NASIONAL**

MAC 2008

TEKAD INTEGRITI INSTITUSI EKONOMI:

Meningkatkan integriti korporat di Malaysia khasnya hal ehwal urus tadbir, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat.

1.0 Pengenalan

Pelan Integriti Nasional yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2004 telah menggariskan lima TEKAD yang hendak dicapai menjelang tahun 2008.

Sebagai sebuah institusi ekonomi yang terlibat dalam pelaksanaan Pelan Integriti Nasional, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad atau lebih dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG) dengan sukacitanya mengemukakan laporan MSWG berkaitan dengan pelaksanaan **Tekad Integriti Institusi Ekonomi**.

2.0 Latarbelakang

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad atau lebih dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG) telah ditubuhkan pada 30 Ogos 2000 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. MSWG telah ditubuhkan di atas inisiatif Kerajaan berdasarkan syor di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat yang diterbitkan pada Februari 1999 dan diterimapakai bagi pelaksanaan oleh Kementerian Kewangan. Lima ahli-ahli pengasas MSWG, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Tabung Haji (LTAT) telah menyumbangkan dana kepada MSWG bagi memulakan operasinya di awal penubuhannya.

Sebahagian besar operasi MSWG kini dibiaya oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal (*Capital Market Development Fund*) sebuah dana nasional dan juga melalui usaha-usaha MSWG sendiri. MSWG kini berada di satu fasa yang lebih tertumpu kepada pembinaan kredibiliti untuk menjadi sebuah institusi terulung dalam meningkatkan penyertaan pemegang-pemegang saham ("*shareholder activism*") dan melindungi kepentingan minoriti.

3.0 Skop

Peranan asas MSWG adalah untuk meningkatkan penyertaan pemegang-pemegang saham dan melindungi kepentingan minoriti sebagai fungsi yang integral dalam pembangunan pasaran modal. Sejak memulakan operasinya pada 1 Julai 2001, MSWG telah menumpukan aktivitinya untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap tadbir urus korporat dan penyertaan pemegang saham.

Visi, Misi, Matlamat dan Objektif MSWG

Visi

Menjadi institusi pasaran modal terulung dalam meningkatkan kegiatan pemegang saham dan melindungi kepentingan minoriti.

Misi

Mengetuai pembangunan pemegang saham minoriti yang BERPENGETAHUAN dan BERWIBAWA dan menyampaikan perkhidmatan yang EFEKTIF, EFISIEN dan EKONOMIK seterusnya menyumbang kepada pembangunan PASARAN MODAL.

Matlamat

Mencapai KREDIBILITI dan DAYA TAHAN melalui produk dan perkhidmatannya menjelang 2009.

Objektif-objektif

- Menjadi FORUM bagi pemegang minoriti berkongsi pengalaman dalam konteks Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, rejim berteraskan penzahiran Suruhanjaya Sekuriti dan Pelan Induk Pasaran Modal;
- Menjadi BADAN PEMIKIR dan PUSAT SUMBER bagi kepentingan minoriti dan isu-isu tadbir urus korporat Malaysia;
- MEMBANGUN dan MENYEBARKAN aspek pendidikan tadbir urus korporat;
- Menjadi PLATFORM bagi memulakan tindakan bagi pihak pemegang saham minoriti secara kolektif bagi isu-isu berkaitan amalan yang tidak beretika atau yang boleh dipersoalkan oleh pihak pengurusan syarikat awam yang tersenarai;

- MEMPENGARUHI proses membuat keputusan di dalam syarikat awam tersenarai sebagai pemimpin bagi hak dan kepentingan pemegang saham minoriti;
- MEMANTAU pelanggaran atau ketidakpatuhan amalan-amalan tadbir urus korporat oleh syarikat awam tersenarai; dan
- MEMULAKAN, di mana sesuai, laporan kepada badan-badan kawalselia dan seterusnya menjadikan MSWG sebagai badan pemantau yang efektif kepada aktiviti yang tidak menjaga kepentingan pemegang saham minoriti.

4.0 Pihak Berkepentingan

Fokus MSWG adalah untuk menggalakkan penyertaan para pemegang saham minoriti, meliputi pemegang saham institusi dan pelabur runcit.

Pada masa yang sama, MSWG turut memainkan peranan penting dalam membantu badan-badan kawalselia utama seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, badan-badan professional dan lain-lain institusi berkaitan untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat, pematuhan amalan-amalan serta pelaksanaan undang-undang dan peraturan bagi pembangunan pasaran modal yang adil dan efektif.

5.0 Tumpuan

Aktiviti-aktiviti MSWG adalah lebih tertumpu kepada para pelabur runcit yang bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak pemegang saham di mesyuarat agung dan menggalakkan penyertaan para pelabur runcit yang lebih efektif dalam pentadbiran syarikat.

Perkhidmatan yang diberikan oleh MSWG adalah seperti berikut:-

- (I) Khidmat Pemantauan – Nasihat Proksi/ Undian Proksi
- (II) Bengkel/ Seminar/ Kursus Latihan bagi Pelabur Runcit
- (III) Artikel/ Komentari/ Temubual/ Ucapan
- (IV) Dialog
- (V) Khidmat Pertanyaan Awam/ Aduan
- (VI) Laman Web

MSWG juga menerbitkan Laporan Kaji Selidik yang merangkumi tahap amalan-amalan tadbir urus korporat di kalangan syarikat awam tersenarai, garis panduan kepada para pelabur runcit dan amalan-amalan terbaik bagi para pelabur institusi.

Berikut adalah ringkasan mengenai penerbitan-penerbitan utama MSWG:-

1. **Laporan Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat**

Laporan ini bertujuan menilai tahap tadbir urus korporat syarat senarai awam di Malaysia dan menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang telus dan terbaik oleh syarikat. Laporan ini diterbitkan secara tahunan sejak 2005, dan dihasilkan dengan kerjasama Universiti Nottingham (Kampus Malaysia).

2. **Laporan Kaji Selidik Dividen**

Laporan ini bertujuan menganalisa polisi dividen syarikat dan juga ciri-ciri penting bagi pembayaran dividen oleh syarikat. Laporan ini diterbitkan secara tahunan sejak 2005, dan dihasilkan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA.

3. **Laporan Kaji Selidik Ganjaran Pengarah**

Laporan ini bertujuan menilai tahap penzahiran syarikat berkaitan dengan ganjaran para pengarah menurut amalan terbaik tadbir urus korporat seperti yang dicadangkan di dalam *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*. Laporan ini diterbitkan pada tahun 2007 dan dihasilkan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA.

4. **Garis panduan Bagi Pelabur Runcit**

Garis panduan ini meliputi isu-isu asas tadbir urus korporat yang baik, tanggungjawab para pelabur runcit semasa menghadiri mesyuarat agung tahunan dan panduan bagi menganalisa penyata kewangan dan laporan tahunan syarikat.

5. **Garis panduan Amalan Terbaik Bagi Pelabur Institusi**

Garis panduan ini diterbitkan bagi memberi panduan kepada pelabur-pelabur institusi mengenai amalan-amalan terbaik yang boleh digunapakai dalam memantau syarikat-syarikat di mana pelabur institusi mempunyai kepentingan.

6.0 Isu

Sebagai sebuah institusi ekonomi di dalam pasaran modal Malaysia, MSWG perlu memainkan peranannya dalam membangunkan dan memajukan pasaran modal negara.

Tugas utama MSWG adalah untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham dan juga melindungi kepentingan minoriti di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam.

Dalam memastikan matlamat ini dapat dicapai, MSWG perlu meningkatkan kesedaran di kalangan para pelabur, khususnya para pelabur runcit mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai pemegang saham syarikat. Ini meliputi meningkatkan kesedaran di kalangan pelabur mengenai amalan tabdir urus korporat seperti yang terkandung di dalam *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* supaya para pelabur dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam memantau amalan tabdir urus syarikat.

MSWG juga perlu mewujudkan kesedaran terhadap amalan tabdir urus korporat yang baik di kalangan syarikat tersenarai awam di negara ini, sekaligus meningkat integriti korporat dan akauntabiliti para pengarah syarikat terhadap semua yang berkepentingan.

7.0 Petunjuk Prestasi

Status pelan tindakan MSWG berdasarkan petunjuk prestasi (atau KPI) yang ditetapkan di dalam **Cadangan Pelan Tindakan Strategi untuk Meningkatkan Integriti Sektor Korporat** seperti yang terkandung di dalam buku *Business Ethics: Towards Enhancing Corporate Integrity and Business Ethics – A Practical Guide for Malaysian Companies* adalah seperti di muka surat berikut.

Status Pelan Tindakan MSWG

No.	Objektif	Pelan Tindakan	Jabatan/ Agensi Pelaksana	Tempoh Masa	Petunjuk Prestasi (KPI)	Pencapaian
7.	Untuk menguatkuasakan dan mengukuhkan dan pemantauan amalan tadbir urus semua syarikat-syarikat	Untuk membangunkan satu Metodologi Penarafan Tadbir Urus	MSWG	Jun 2006	Menghebahkan Metodologi Penarafan Tadbir Urus	MSWG telah menerbitkan Laporan Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat secara tahunan sejak 2005. Laporan ini membabitkan syarikat senaraian awam tempatan di mana penilaian dibuat terhadap tahap pelaksanaan tadbir urus korporat syarikat. Kaji selidik bagi tahun 2007 membabitkan 500 syarikat awam meliputi Papan Utama, Papan Kedua dan Pasaran MESDAQ. Bagi tahun 2008, MSWG akan melakukan kaji selidik tadbir urus korporat meliputi semua syarikat senaraian awam tempatan. Semua syarikat yang dinilai diberi kedudukan mengikut peratusan markah yang dicapai, di mana syarikat dapat menilai tahap keberkesanan tadbir urus korporat yang mereka laksanakan.

8.0 Analisis

(i) Tahap Pelaksanaan Tadbir Urus Korporat

Laporan Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2007 membabitkan 500 syarikat senaraian awam di Malaysia, meliputi 350 syarikat di Papan Utama, 100 syarikat bermodal kecil di Papan Utama dan 50 syarikat di Papan Kedua/ Pasaran MESDAQ.

Berdasarkan Laporan Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2007, kajian tersebut mendapati secara keseluruhannya, tahap pematuhan syarikat terhadap cadangan-cadangan amalan tadbir urus korporat (seperti yang terkandung di dalam dalam *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*) adalah tinggi dan memuaskan.

Analisa yang lebih mendalam mendapati syarikat-syarikat yang besar lazimnya mempunyai tahap pematuhan (tadbir urus korporat) yang lebih tinggi berbanding syarikat-syarikat yang lebih kecil.

Walaupun bagaimanapun, kajian tersebut mendapati tahap pematuhan syarikat-syarikat senaraian awam Malaysia terhadap amalan-amalan tadbir urus korporat terbaik antarabangsa boleh lagi ditingkatkan. Laporan kaji selidik mengesyorkan supaya syarikat-syarikat mengamalkan amalan-amalan tadbir urus korporat terbaik antarabangsa untuk lebih berdaya saing di arena global.

Bagi tahun 2008, kaji selidik tahap pelaksanaan tadbir urus korporat akan membabitkan semua syarikat senaraian awam di Malaysia.

(ii) Tahap Penyertaan Pemegang Saham

Berikut adalah analisis MSWG berkaitan dengan penyertaan pemegang saham di Malaysia berdasarkan pemerhatian MSWG daripada 257 mesyuarat agung tahunan (AGM) atau mesyuarat luarbiasa (EGM) syarikat-syarikat tersenarai yang dihadiri oleh MSWG sepanjang tahun 2007:-

- Terdapat peningkatan di dalam jumlah pemegang saham terutamanya pelabur runcit yang menghadiri AGM/ EGM berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.
- Pelabur-pelabur runcit lebih vokal dan berani untuk mengemukakan soalan-soalan kepada pengarah syarikat berkenaan dengan prestasi syarikat.
- Pelabur-pelabur runcit membuat pertanyaan susulan selepas wakil MSWG mengemukakan soalan kepada para pengarah syarikat di AGM.
- Pelabur institusi memainkan peranan yang lebih aktif di dalam AGM dengan mengemukakan soalan-soalan kepada pengarah syarikat.
- Syarikat-syarikat lebih bersedia bagi AGM/EGM berikutan kesedaran yang lebih tinggi di kalangan para pemegang saham, dan memperuntukkan lebih masa bagi AGM supaya para pemegang saham dapat mengemukakan pertanyaan mereka dengan sewajarnya.
- Terdapat peningkatan di dalam jumlah para pelabur runcit yang menghubungi MSWG untuk membuat aduan terhadap syarikat-syarikat di mana mereka tidak berpuashati dengan pengurusan atau prestasi syarikat tersebut.
- Sambutan yang baik daripada para pelabur runcit dan orang awam terhadap seminar anjuran MSWG yang bertujuan meningkatkan pengetahuan para pemegang saham berkenaan hak dan tanggungjawab mereka, dan juga bagaimana menganalisa laporan tahunan supaya menjadi pelabur bijak.
- Sokongan baik daripada syarikat-syarikat tersenarai atas usaha-usaha MSWG, yang meliputi penjelasan bertulis para pengarah kepada MSWG berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh MSWG di dalam AGM/EGM dan juga sokongan terhadap penerbitan-penerbitan MSWG.

9.0 Syor

Berpandukan Cadangan Perniagaan MSWG (2005-2009), MSWG bercadang untuk meningkat tahap penyertaan pemegang saham, khususnya bagi para pelabur runcit bagi memantapkan pasaran modal. MSWG akan memberikan keutamaan kepada empat inisiatif berikut:-

(i) Mengukuhkan asas MSWG

Asas-asas MSWG meliputi empat perkara utama:-

- Keperluan perniagaan
- Program pendidikan pelabur
- Perancangan bagi keperluan strategik, fungsian dan pendidikan
- Tanggungjawab terhadap para pelabur runcit dan meningkatkan kesedaran terhadap tugas dan tanggungjawab mereka

(ii) Membina rangka MSWG melalui perkongsian strategik dengan institusi-institusi berkaitan, khususnya dalam aspek program pendidikan bagi pelabur runcit.

(iii) Mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada Para Pelabur Runcit dan pelanggan perkhidmatan MSWG.

(iv) Mengurangkan jurang di antara pelabur runcit dan syarikat dan mencapai objektif MSWG.

10.0 Kesimpulan

Melangkah ke hadapan, MSWG akan meneruskan usaha dan komitmennya untuk:-

- Meningkatkan kredibiliti dan mencapai daya tahan jangka panjang.
- Berkembang dengan cara yang berstruktur, efisien dan efektif.
- Memberi perkhidmatan kepada pemegang saham, pengarah dan pengurusan syarikat melalui dialog, kaji selidik, artikel, komentar, seminar dan sebagainya.
- Memperluaskan dan mengukuhkan kedudukan MSWG sebagai institusi terulung bagi penyertaan pemegang saham dan amalan tadbir urus korporat yang baik.
- Mengembangkan hubungan kerja dengan institusi berkaitan, baik dalam atau luar negara meliputi institusi pengajian tinggi, badan-badan profesional dan organisasi antarabangsa.
- Bekerja rapat dengan badan-badan kawalselia utama supaya MSWG dapat menjadi badan pemantau yang lebih efektif bagi melindungi kepentingan para pemegang saham, seterusnya meningkatkan integriti pasaran modal negara.

MSWG juga adalah komited untuk mendukung matlamat Pelan Integriti Nasional khususnya dalam pencapaian objektif bagi Sektor Ekonomi. MSWG akan terus menggalakkan amalan pengurusan yang telus di kalangan syarikat-syarikat senarai awam di Malaysia, dan memainkan peranannya dalam mengukuhkan pematuhan dan pemantauan amalan tadbir urus semasa syarikat bagi meningkatkan integriti sektor korporat Malaysia.